




MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN
PERAK DARUL RIDZUAN



PELAN STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

2023-2027





ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MPTI	I
KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA MPTI	II
1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF	1-2
2.0 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG	
2.1 SEJARAH PERBANDARAN	3-4
2.2 PROFIL PERBANDARAN TELUK INTAN	5-7
2.3 LOGO RASMI MPTI	8
3.0 STRUKTUR ORGANISASI	9-10
4.0 FUNGSI DAN PERANAN	11-20
5.0 PUNCA KUASA	21-22
6.0 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN	23-24
7.0 ANALISIS PERSEKITARAN	25-28
8.0 VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF	29-30
9.0 NILAI-NILAI BERSAMA	31
10.0 OBJEKTIF STRATEGIK	32-36
11.0 STRATEGI, PELAN TINDAKAN DAN KPI	37-46
12.0 PETA STRATEGIK	47-48
13.0 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN	49-51
14.0 PENUTUP	52

Perutusan

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Teluk Intan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam hormat dan salam sejahtera.

Alhamdulillah,

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menintakan sepatah dua kata di dalam buku Pelan Perancangan Strategik Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) 2023 hingga 2027 ini.

Sebagaimana kita maklum, pelan perancangan strategik adalah sangat penting kerana ianya merupakan 'blue print' yang menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan.

Melalui pelan yang digubal ini, adalah diharapkan perancangan kerja akan menjadi lebih fokus, terancang dan bersistematik dalam memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap. Ianya juga sekaligus menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategik pembangunan di samping mampu mencapai kehendak 'stakeholders' dan memberi kepuasan kepada pelanggan.

Saya berharap dengan adanya pelan perancangan strategik ini, usaha dan kerja warga MPTI akan menjadi lebih fokus dan terarah untuk merealisasikan matlamat yang diharap demi kejayaan dan kecemerlangan MPTI.

Akhir kata, jayakanlah perancangan ini dengan penuh keikhlasan dan kejujuran demi memenuhi matlamat jabatan, memberi manfaat dan kesejahteraan kepada semua warga kerja MPTI dan penduduk setempat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ISMAIL BIN IBRAHIM, AMP.

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Teluk Intan

Kata-Kata Aluan

Setiausaha

Majlis Perbandaran Teluk Intan

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) dapat menyediakan dan seterusnya menyiapkan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Teluk Intan 2023-2027 pada tahun ini. Pelan Strategik Majlis Perbandaran Teluk Intan 2023-2027 bertujuan untuk membantu pihak pengurusan serta kakitangan mendepani cabaran yang akan datang dalam menjalankan tugas masing-masing. Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dan berpasukan oleh semua Ketua Jabatan dan turut melibatkan Ahli Majlis dalam menentukan hala tuju dan pelan strategik dalam melaksanakan agenda perbandaran pintar, mampan, berdaya tahan, dinamik menerusi tadbir urus cekap, berkesan dan peduli komuniti.

Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan didalam penyediaan perancangan kerja tahunan oleh setiap jabatan dalam Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) serta semua kakitangan. MPTI juga akan menilai semula dan mengemaskini Pelan Strategi sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan perancangan adalah selari dengan sasaran yang telah ditetapkan. Pemantauan akan diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya ia sentiasa berada di atas landasan yang betul.

Semoga dengan adanya dokumen ini sebagai penanda aras, diharap MPTI akan terus maju dan berada dalam landasan yang tepat demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.



RAMDHATUS AJMA BINTI JEMAIL
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Teluk Intan

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) 2023-2027 ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Majlis Perbandaran Teluk Intan 2017-2021 yang lalu. Ia menyediakan rangka kerja kepada pihak pengurusan dan sebagai panduan kepada semua warga pentadbiran pihak majlis perbandaran ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan.

Pelan Strategik ini berdasarkan fungsi dan peranan setiap jabatan/bahagian/unit, kehendak pihak-pihak berkepentingan 'stakeholders' dan pelanggan serta analisis persekitaran. Pelan Strategik ini menggariskan empat (4) Objektif Strategik, beserta Strategi dan Pelan Tindakan yang ditetapkan bagi membantu warga kerja menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

01

OBJEKTIF 1 :
MEMANTAPKAN KAPASITI
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

02

OBJEKTIF 2 :
MELAKSANAKAN TADBIR URUS
ORGANISASI DENGAN CEKAP
BERTERASKAN NILAI-NILAI MURNI



03**OBJEKTIF 3 :
MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN
KEWANGAN MAJLIS****04****OBJEKTIF 4 :
MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN, PEMBANGUNAN &
PENGURUSAN PELANGGAN**

Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPTI bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang. Beberapa strategi baharu telah ditambah selain menggunakan semula elemen-elemen lama yang masih relevan agar dapat memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, kecekapan pengurusan pentadbiran dan menyediakan tadbir urus berintegriti tinggi.

Kesimpulannya, Pelan Strategik ini dapat menjadi pemangkin kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap sekaligus menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategik pembangunan bagi Bandar Teluk Intan dan Negeri Perak.





2.0 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

2.1 SEJARAH PERBANDARAN

Pada tahun 1874 John Anderson melaporkan Teluk Intan adalah satu penempatan terawal di Hilir Perak selain Pasir Bedamar, Batak Rabbit dan Durian Sebatang. Pada tahun 1875, Teluk Intan menjadi pusat pentadbiran dan pengkalan oleh penjajah Inggeris setelah termeterinya Perjanjian Pangkor 1874. Bandar ini lebih lewat berbanding Durian Sebatang, Pasir Bedamar dan Batak Rabbit. Pada peringkat awal, Durian Sebatang adalah pusat pentadbiran sebagai pelabuhan untuk mengumpulkan bijih timah dari kawasan Batang Padang, Bidor dan Taph.

Residen British ke-3, Sir Hugh Low meminta jasa baik Gabenor Negeri Selat untuk mewujudkan bandar baru pentadbiran di Teluk Malunting (Teluk Mak Intan sebagaimana pelat Hugh Low). Ketika itu pemangku Gabenor Negeri Selat ialah General Sir Archibald Edward Harbord Anson (1826 – 1925). Anson setuju dengan cadangan Hugh Low, malah melukis pelan pertama bandar Teluk Intan. Anson dilantik sebagai Pegawai Daerah Teluk Intan dan bersara pada tahun 1882.

Pada 15 Mac 1882 Bandar Teluk Anson diberi sempena namanya. Namanya diberikan oleh Hugh Low dalam persetujuan Majlis Negeri. Namun Durian Sebatang terus kekal sebagai penghubung kepada pemunggaan hasil tempatan terutama dari Bidor dan Taph. Satu rancangan menyambungkan Teluk Anson dengan Durian Sebatang dan akan menyebabkan Teluk Anson menjadi sebuah pulau di dalam Sungai Perak. Pada tahun 1884 pemangku Residen Perak Frank Swettenham musykil dengan cadangan terusan ini.



Pada tahun 1880-an zaman kereta api di Perak telah menyebabkan peranan sungai sebagai jalan perhubungan telah berubah. Stesen kereta api dan pelabuhan yang kukuh dibina di Batak Rabbit. Pelabuhan ini sibuk sehingga Perang Dunia Kedua. Landasan kereta api menghubungkan Pelabuhan Teluk Intan dengan Ipoh, Kampar, Batang Padang, Pulau Pinang, Taiping dan Kuala Lumpur. Kereta api lebih mudah dan cepat dan boleh mengangkut banyak barang terutama bijih timah dan getah serta kayu balak. Peranan pelabuhan Teluk Intan kedua penting selepas Pelabuhan Klang (Port Swettenham) dari tahun 1934 hingga 1940. Teluk Intan lebih penting berbanding dengan pelabuhan Pulau Pinang, Prai dan Port Dickson.

Pada tahun 1938 Teluk Intan dijadikan Bandar Diraja untuk Raja Muda Perak sehingga kini. Penetapan itu dibuat oleh Sultan Iskandar Shah (1918-1938) yang ketika itu menjadi Sultan Perak. Sultan Idris II menukar nama Teluk Anson kepada Teluk Intan semula. Pada tahun 1962 Majlis Bandaran Teluk Anson ditubuhkan iaitu sebuah Lembaga Kerajaan Tempatan. Seorang Pegawai Daerah telah dilantik. Peranan Teluk Intan sebagai stesen kereta api dan pelabuhan ditamatkan pada tahun 1970an kerana Sungai Perak semakin cetek dan hakisan tebing sungai menyebabkan gudang-gudang runtuh ke dalam sungai.

Pada 1 Disember 1979, Majlis Daerah Hilir Perak (MDHP) telah ditubuhkan di bawah penyusunan semula Penguasa-Penguasa Tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan diisytiharkan melalui WARTA Kerajaan Pk.P.U.27 dengan penyatuan enam (6) buah Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan (LPKT) iaitu:

01 LPKT TELUK INTAN

02 LPKT HILIR PERAK

03 LPKT LANGKAP

04 LPKT CHUI CHAK

05 LPKT BATU 12

06 LPKT PELAWAN

Majlis Perbandaran Teluk Intan telah dinaiktaraf daripada Majlis Daerah Hilir Perak setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 23 April 2003. Majlis Perisytiharan telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak pada 4 April 2004.



2.2 PROFIL PERBANDARAN TELUK INTAN

2.2.1 KAWASAN PENTADBIRAN :


Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan adalah 152.97 km persegi.




2.2.2 PECAHAN GUNA TANAH :

- Perumahan
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pertanian
- Komersial
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Perternakan dan Akuakultur
- Industri
- Pengangkutan
- Hutan
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Kosong
- Badan Air

Gunatanah





**RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH HILIR PERAK 2020**


PERAK

Item Tanah	Jumlah (hektar)	Persentase
Pertanian	2,220,215	83.13
Komersial	126,588	8.37
Industri	195,007	8.17
Ulu/tepi dan komersial	941,377	35.84
Residensial	58,623	2.23
Ulu/tepi dan industri	5,063,253	193.85
Pertanian	2,387,522	92.47%
Pertanian	542,488	20.33
Residensial	310,795,572	119.56
Industri	7,247	0.28
Ulu/tepi dan komersial	3,192,272	124
Residensial	4,888,679	187.89
Jumlah	2,717,897,138	100.00%

MALAKA

- Industri
- Residensial
- Ulu/tepi dan komersial
- Residensial
- Ulu/tepi dan industri

DAERAH HILIR PERAK



Rajah 1.4
Gambar Rangka 2020
Daerah Hilir Perak

2.2 PROFIL PERBANDARAN TELUK INTAN

2.2.3 DATA PENDUDUK :

Unjuran Penduduk ('000 orang) Mengikut Mukim Daerah Hilir Perak, 2010-2020

Mukim	2010	2015	2020
Bagan Datuk	14.6	32.5	35.0
Durian Sebatang	91.0	96.0	103.4
Hutan Melintang	39.3	41.7	45.5
Labu Kubong	13.4	14.3	45.5
Rungkup	13.6	14.5	16.0
Durian Sebatang	4.3	4.7	7.0
Sungai Manik	9.8	10.9	13.0
Teluk Bharu	8.1	9.1	12.0
Daerah Hilir Perak	223.4	240.5	266.0

Sumber : Draf Rancangan Tempatan Hilir Perak 2020

2.2.4 PROFIL DAERAH :

- ★ Luas kawasan : 1800 km persegi
- ★ Perbandaran = 152.97 km persegi
- ★ Daerah = 1,683 km persegi
- ★ Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) mentadbir kawasan seluas 126.9 km².
- ★ 8% daripadanya adalah kawasan kawalan pembangunan dibawah seliaan MPTI.
- ★ Luas kawasan operasi MPTI ialah 34.96 km²
- ★ manakala cadangan perluasan kawasan seluas 25.97 km²
- ★ Jumlah Penduduk Kawasan MPTI : 223,400 orang (Statistik tahun 2010)


2.3 LOGO RASMI MPTI



Keterangan Logo :

1. Bentuk Bulat melambangkan perpaduan seperti pepatah Melayu "bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat".
2. Bunga Padi dikedua-dua belah logo melambangkan terdapatnya jelapang padi di Daerah Hilir Perak.
3. Menara Condong melambangkan mercu tanda Bandar Teluk Intan.
4. Warna biru dan simbol kapal di bahagian bawah logo melambangkan Bandar Teluk Intan yang dilingkungi oleh aliran Sungai Perak dan Sungai Bidor yang menjadi nadi pengangkutan dan menjadi sumber hasil sungai kepada penduduk tempatan.
5. Bentuk Roda Sawat berwarna kelabu melambangkan industri hiliran seperti perusahaan minyak sawit, limbungan kapal, tekstil, hasil laut dan pelbagai perusahaan kecil dan sederhana.
6. Lengkungan berwarna merah melambangkan keberanian dan semangat waja serta tegas dalam prinsip-prinsip menjalankan tugas yang semakin mencabar.
7. Warna kuning melambangkan Daerah Hilir Perak adalah bandar Diraja untuk Raja Muda Perak sejak tahun 1938. Penetapan ini dibuat oleh Sultan Perak iaitu Sultan Iskandar Shah (1918-1938).
8. Simbol pokok kelapa sawit menunjukkan sawit adalah merupakan komoditi utama Daerah Hilir Perak.

3.0 STRUKTUR ORGANISASI



3.1 ORGANISASI

MPTI diterajui oleh seorang Yang Dipertua yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan merupakan salah seorang daripada Ahli Majlis. Ahli Majlis terdiri daripada 22 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Majlis beroperasi melalui beberapa jawatankuasa yang terdiri daripada:

JAWATANKUASA KEWANGAN
Jabatan Perbendaharaan

01

02

JAWATANKUASA OSC
Unit Osc

**JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PERKHIDMATAN BANDAR**
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

03

04

**JAWATANKUASA PENILAIAN DAN
PENGURUSAN HARTA**
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

**JAWATANKUASA PENSWASTAAN DAN
PEMBANGUNAN HARTANAH**
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

05

06

**JAWATANKUASA PERBANDARAN DAN
KEBERSIHAN**
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

**JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG DAN
PENGUATKUASAAN**
Unit Undang-Undang & Bahagian Penguatkuasa

07

08

**JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR**
Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap & Jabatan Khidmat Pengurusan

JAWATANKUASA PELANCONGAN
Bahagian Komuniti Dan Perhubungan Awam

09

10

JAWATANKUASA HAL EHWAL KOMUNITI DAN LA 21
Bahagian Komuniti Dan Perhubungan Awam

JAWATANKUASA PANEL PEMILIHAN PENYEWAAN
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

11

12

**JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN
LALU LINTAS**
Jabatan Kejuruteraan

**JAWATANKUASA LANTIKAN DAN
KENAIKAN PANGKAT**
Jabatan Khidmat Pengurusan

13

14

JAWATANKUASA TATATERTIB (KUMPULAN P&P)
Jabatan Khidmat Pengurusan

JAWATANKUASA SEBUTHARGA
Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
/ Jabatan Kejuruteraan / Jabatan Perancangan Bandar & Landskap

15

4.0 FUNGSI DAN PERANAN

Terdapat enam (6) Jabatan dan empat (4) unit di dalam carta organisasi MPTI di mana di dalam setiap jabatan tersebut mempunyai bahagian-bahagian yang beroperasi mengikut portfolio masing-masing.

Fungsi dan Peranan Jabatan, Bahagian dan Unit ditunjukkan di dalam gambar rajah di bawah:

1. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Pentadbiran & Kesetiausahaan	<ol style="list-style-type: none">1. Pengurusan Perolehan dan Bekalan2. Pengurusan Pinjaman Perumahan, komputer dan kenderaan3. Pengurusan Kenderaan Jabatan
Bhg. Pengurusan Sumber Manusia	<ol style="list-style-type: none">1. Mengurus hal ehwal perjawatan.2. Mengurus perkhidmatan.3. Menguruskan peperiksaan, kursus dan latihan anggota.4. Menguruskan hal ehwal tatatertib anggota.
Bhg. Teknologi Maklumat	<ol style="list-style-type: none">1. Sistem Aplikasi2. Membekal dan menyelenggara perkakasan ICT3. Menganjurkan latihan ICT4. Multimedia
Unit Kualiti	<ol style="list-style-type: none">1. Menguruskan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 90012. Menguruskan Inovasi dan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Jabatan3. Menguruskan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)/5S jabatan4. Menguruskan Pelan Strategik dan Sasaran Kerja Tahunan jabatan5. Menyelaraskan Sistem Penarafan Bintang PBT6. Menguruskan Manual Prosedur Kerja (MPK) & MyPortfolio jabatan

2. JABATAN PERBENDAHARAAN

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Kewangan & Belanjawan	<ol style="list-style-type: none">1. Menguruskan segala pembayaran dan perbelanjaan Majlis2. Menguruskan rekod pembayaran dan tuntutan semula3. Memastikan pembayaran dibuat dengan teratur dan terkawal di dalam lingkungan mengikut peruntukan yang diluluskan4. Penyediaan belanjawan tahunan5. Menguruskan belanjawan Majlis6. Menyediakan satu sistem pengurusan kewangan dan akaun yang lengkap7. Memastikan pengurusan kewangan mematuhi peraturan yang ditetapkan
Bhg. Akaun & Hasil	<ol style="list-style-type: none">1. Penyediaan penyata akaun bulanan dan penyata kewangan2. Menyemak segala hasil yang telah dikutip diakaunkan dengan betul dan teratur3. Memproses, menyemak dan mengenalpasti data dan laporan kutipan cukai melalui kutipan online (agensi luar)4. Aktiviti pungutan cukai taksiran5. Mengambil tindakan kutipan tunggakan cukai6. Penghantaran waran dan tindakan sita7. Aktiviti pungutan cukai melalui kaunter bergerak dan turun padang8. Mengendalikan kutipan setempat bagi Pos, LAP, TNB, TM dan kutipan dimana-mana9. Bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan bulanan dan tahunan bagi membantu pihak pentadbiran membuat keputusan dan mengambil tindakan yang perlu dalam usaha meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan
Bhg. Letak Kereta	<ol style="list-style-type: none">1. Mengendalikan urusan pentadbiran jabatan2. Merekod cuti3. Menguruskan simpanan tetap dan semasa Majlis4. Perkhidmatan kutipan letak kereta

3. JABATAN KEJURUTERAAN

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Infrastruktur & Kejuruteraan	<ol style="list-style-type: none">1. Sediakan perancangan kerja.2. Sediakan kertas kerja, anggaran kos & dokumen.3. Mohon peruntukan.4. Panggil tawaran/sebutharga.5. Pengawasan kerja-kerja di tapak.6. Bayaran kerja.7. Laporan kerja.8. Kemaskini data MARRIS/Inventori.9. Pengeluaran notis dan kompaun kepada pembangunan, tambahan/pindaan tanpa pelan.10. Memproses aduan senggaraan di kawasan MPTI.11. Laporan.
Bhg. Bangunan	<ol style="list-style-type: none">1. Terima dan proses pelan pembangunan.2. Kertas kerja mesyuarat.3. Maklumbalas permohonan kelulusan pelan pembangunan.4. Terima dan proses pelan tambahan/pindaan.5. Laporan permohonan pelan tambahan/pindaan.6. Laporan.7. Ulasan teknikal.8. Sediakan perancangan projek.9. Sediakan kertas kerja, anggaran kos & dokumen projek.10. Mohon peruntukan.11. Panggil tawaran/iklan tender.12. Pengawasan di tapak projek.13. Bayaran kemajuan.14. Laporan pembangunan.
Bhg. Mekanikal & Elektrikal	<ol style="list-style-type: none">1. Memproses aduan dan membaiki kerosakan awam berkaitan lampu jalan, lampu hiasan, lampu isyarat dan harta benda Majlis.2. Memproses permohonan lampu jalan awam dan permohonan bekalan elektrik batu (meter TNB).3. Menyediakan bekalan elektrik bagi setiap upacara Majlis.4. Menyediakan laporan dan kertas kerja bagi setiap cadangan lampu jalan awam dan lampu hiasan.

4. JABATAN PERANCANGAN BANDAR & LANDSKAP

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Perancangan & Kawalan Pembangunan	<ol style="list-style-type: none">1. Mengurus Rancangan Pemajuan<ol style="list-style-type: none">a. Membantu penyediaan Rancangan Strukturb. Menyediakan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khasc. Membuat semakan semula terhadap rancangan pemajuand. Menguatkuasakan garis panduan dan polisi yang terkandung dalam rancangan pemajuan2. Mengurus permohonan Kebenaran Merancang Tanah dan Bangunan<ol style="list-style-type: none">a. Memproses permohonan kebenaran merancangb. Menyediakan kertas kerja untuk Mesyuarat Jawatankuasa OSCc. Menyediakan dokumen kelulusan Kebenaran Merancangd. Memproses kelulusan Pelan Pinta Ukur3. Mengurus ulasan permohonan pecah sempadan/pecah bahagi dan cantuman tanah<ol style="list-style-type: none">a. Memproses ulasan kepada Pejabat Tanah Hilir Perakb. Memproses ulasan kepada Pejabat Tanah dan Galianc. Memproses kelulusan Pelan Pinta Ukur4. Mengurus ulasan bagi permohonan CCC<ol style="list-style-type: none">a. Menyediakan perakuan sokongan bagi permohonan CCC5. Mengurus Sistem Maklumat Geografi (GIS)<ol style="list-style-type: none">a. Mengemaskini maklumat perancanganb. Membuat analisa data untuk kegunaan stakeholder dan pelanggan6. Mengurus Program Bandar Selamat<ol style="list-style-type: none">a. Merancang projek untuk Program Bandar Selamatb. Menyediakan laporan-laporan berkaitan7. Mengurus Program MurniNets<ol style="list-style-type: none">a. Mengurus pelaksanaan Program MurniNetsb. Menyediakan laporan-laporan berkaitanc. Mengurus mesyuarat-mesyuarat berkaitan8. Mengurus permohonan pewartaan tanah lapang<ol style="list-style-type: none">a. Menyediakan permohonan untuk mewartakan tanah lapangb. Mengurus penyediaan papan tanda tanah lapangc. Menyediakan laporan-laporan yang berkaitan9. Mengurus aduan awam berkaitan perancangan<ol style="list-style-type: none">a. Mengambil tindakan terhadap aduanb. Mengurus laporan-laporan yang berkaitan
Bhg. Landskap	<ol style="list-style-type: none">1. Mengurus pembangunan landskap<ol style="list-style-type: none">a. Merancang dan melaksanakan pembangunan landskap dalam kawasan pentadbiranb. Memantau pelaksanaan projek-projek landskap2. Mengurus penyelenggaraan landskap<ol style="list-style-type: none">a. Merancang dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan landskap3. Mengurus aduan awam berkaitan landskap<ol style="list-style-type: none">a. Mengambil tindakan terhadap aduanb. Mengurus laporan-laporan yang berkaitan

5. JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Perkhidmatan Perbandaran	<ol style="list-style-type: none">1. Mengurus dan menyelia kerja-kerja pembersihan.2. Mengawalselia dan memproses bayaran bagi kerja-kerja pembersihan awam kontraktor-kontraktor.3. Mengurus dan mengawal selia tapak pelupusan sampah.4. Menyelaras aktiviti-aktiviti gotong-royong komuniti.5. Menguruskan aduan-aduan awam yang berkaitan.
Bhg. Pelesenan	<ol style="list-style-type: none">1. Menguruskan permohonan lesen-lesen premis, iklan dan permit.2. Mengawalselia aktiviti-aktiviti perniagaan yang wujud dalam kawasan MPTI.3. Menguatkuasakan undang-undang sedia ada.
Bhg. Kesihatan Awam & Kawalan Vektor	<ol style="list-style-type: none">1. Bertanggungjawab mengawal dan membasmi pembiakan vektor-vektor pembawa penyakit serta pencegahan perebakan penyakit-penyakit berjangkit.2. Memproses, melesen dan mengawal selia aktiviti-aktiviti penternakan burung walit.3. Menguruskan aduan-aduan awam yang berkaitan.

6. JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Penilaian	<ol style="list-style-type: none">1. Unit Teknikal dan Pentadbiran Kadaran<ol style="list-style-type: none">a. Urusan pengenaan kadaran bagi Kawasan Baru dan Bangunan Tambahana. Proses Tuntutan Remisib. Sumbangan Membantu Kadarc. Penilaian Semulad. Carian Makluman/Data Cukai Pintue. Pertukaran alamat dan pindaan maklumatf. Pertukaran maklumat pindah milikg. Bantahan cukai taksiran2. Unit COB<ol style="list-style-type: none">a. Menjadi urusetia COB MPTI merangkumi aktiviti aduan, data/statistik dan sebagainya.b. Menjalankan kuasa dan tanggungjawab di bawah Akta 318 dan akta yang berkaitan semasa tempoh permulaan, tempoh interim dan tempoh akhir.
Bhg. Pengurusan Harta	<ol style="list-style-type: none">1. Unit Sewaan - Menguruskan penyewaan hartanah milik Majlis, dan harta-harta baru dan sedia ada milik Majlis.2. Unit Permohonan Tanah dan Penswastaan<ol style="list-style-type: none">a. Menguruskan permohonan tanah bagi maksud pemberimilikan tanah secara pelupusan tanah, lesen pendudukan sementara dan pengwartaan.b. Mengurus, merekod dan memantau permohonan tanah dan harta tetap milik Majlis.c. Mengurus dan menjelaskan bayaran cukai tanah, Lesen Pendudukan Sementara (LPS), premium tanah, sewaan dan sebagainya.d. Urusetia projek-projek pembangunan tanah milik Majlis.

7. BAHAGIAN PENGUATKUASA

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bhg. Penguatkuasaan	<ol style="list-style-type: none">1. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan MPTI melalui tindakan-tindakan berikut :<ol style="list-style-type: none">a. Pemantauan di dalam kawasan pentadbiran Majlis dan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti yang dibenarkan di bawah Akta, Undang-Undang Kecil serta Peraturan yang digunapakai oleh Majlis;b. Pemeriksaan lesen dan permit dari semasa ke semasa;c. Mengeluarkan notis/kompaun;d. Mengambil tindakan rampasan dan sitaan;e. Menerima, memproses dan mengeluarkan lesen anjing;f. Mengurus dan menerima tuntutan barang rampasan dan sitaan;g. Menerima, menyiasat dan mengambil tindakan aduan-aduan awam berkaitan dengan penguatkuasaan;h. Menguruskan rekod kompaun dan menyediakan kertas siasatan kes mahkamah; dani. Menyokong permohonan pengesahan tempat letak kenderaan perdagangan.

8. BAHAGIAN KOMUNITI & PERHUBUNGAN AWAM

Bahagian	Fungsi dan Peranan
Bahagian Komuniti & Perhubungan Awam	<ol style="list-style-type: none">1. Meningkatkan hubungan dua hala di antara MPTI dengan orang awam.2. Merangka perancangan korporat bagi kakitangan di peringkat jabatan di MPTI3. Meningkatkan prestasi MPTI dengan meletakkan pengurusan aduan sebagai tunggak utama.4. Mewujudkan hubungan baik di antara MPTI dengan pihak media.5. Meningkatkan dan mengekalkan imej baik MPTI di mata umum.6. Menerima, memproses, menyelaras, memantau dan menyalurkan semua aduan kepada Jabatan/ Bahagia/ Unit di MPTI.7. Bertanggungjawab membuat dan memberikan kenyataan akhbar mengenai hal-hal yang berkaitan dengan MPTI dengan persetujuan YDP dan Setiausaha.8. Mengendalikan buku-buku, risalah berita, buletin, laporan tahunan dan kempen mengenai MPTI.9. Mengurus dan mengatur semua upacara-upacara rasmi MPTI dari segi protokol, kad jemputan, buku cenderamata, teks ucapan dan pihak media.10. Merekod keratan akhbar yang berkaitan dengan MPTI.11. Bertanggungjawab mengadakan hubungan dua hala dengan pihak jabatan kerajaan, swasta dan korporat.

9. UNIT UNDANG-UNDANG

Unit	Fungsi dan Peranan
Unit Undang-Undang	<ol style="list-style-type: none">1. Bertanggungjawab mengendalikan urusan pentadbiran Unit Undang-Undang.2. Bertanggungjawab menyediakan, mengubal dan menyemak draf Undang-Undang Kecil, Perintah dan Kaedah sama ada mewujudkan yang baru ataupun pindaan yang sedia ada.3. Menyediakan dan menyemak draf pelbagai perjanjian yang diperlukan.4. Menguruskan fail-fail berkaitan, kertas saman, pengaduan, pertuduhan untuk pendaftaran dan tindakan Kes Pendakwaan di Mahkamah.5. Mengendalikan sebarang urusan Tuntutan Pembelaan, Tindakan-Tindakan Sivil bersama Peguam MPTI yang dilantik.

10. UNIT PUSAT SETEMPAT

Unit	Fungsi dan Peranan
Unit Pusat Setempat	<ol style="list-style-type: none">1. Menerima, menyemak, mendaftar dan memproses permohonan cadangan pemajuan dan membuat edaran kepada Jabatan-Jabatan teknikal.2. Mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.3. Menyediakan surat keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.4. Membantu dan memberikan khidmat nasihat kepada pemohon/perunding dengan menjadi perantara di antara pemohon/perunding dengan agensi teknikal.5. Menyelaraskan dan menyeragamkan proses pembangunan tanah.

11. UNIT AUDIT DALAM

Unit	Fungsi dan Peranan
Audit Pengurusan Kewangan	<ol style="list-style-type: none">1. Kawalan Pengurusan.2. Kawalan Terimaan.3. Kawalan Perbelanjaan.4. Analisis Bajet.5. Pemeriksaan Mengejut.6. Pengurusan Akaun Amanah & Deposit.7. Pengurusan Pelaburan.8. Pengurusan Pinjaman.9. Pengurusan Aset & Inventori.
Audit Pengurusan	<ol style="list-style-type: none">1. Kawalan Pengurusan Dalaman.2. Kawalan Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Pekeliling Semasa yang berkaitan.3. Mengenalpasti masalah serta kelemahan dalam pengurusan kerja serta mengesyorkan cadangan untuk penambahbaikan serta peningkatan pengurusan MPTI.
Audit Penyiasatan	<ol style="list-style-type: none">1. Menjalankan penyiasatan berdasarkan arahan pihak pengurusan.2. Mengenalpasti punca masalah dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan.3. Menjalankan penyiasatan terhadap perkara-perkara berbangkit.



5.0 PUNCA KUASA

Bagi menentukan kualiti hidup penduduk tempatan terkawal dan terjamin, maka MPTI adalah tertakluk kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada Akta-akta, Undang-Undang Kecil dan lain-lain sumber punca kuasa tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta diterima pakai dan antaranya adalah seperti berikut:

5.1 AKTA YANG DIGUNAKAN

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133)
3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (AKTA 172)
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (AKTA 333)
5. Akta Hakmilik Strata 1985 (AKTA 318)
6. Akta Bangunan dan Hakmilik Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (AKTA 663)
7. Akta Makanan 1983 (AKTA 281)
8. Akta Tatacara Kewangan 1957 (AKTA 61)
9. Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757)

5.2 UNDANG-UNDANG KECIL

1. Undang-Undang Kecil Mengawal Iklan (MDHP) 1996 Pk.P.U. 9
2. Undang-Undang Kecil Rumah Urut (MDHP) 1996 Pk.P.U. 12
3. Undang-Undang Kecil Penjaja (MDHP) 1991 Pk.P.U. 39
4. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (MDHP) 1983 Pk.P.U. 16
5. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (MDHP) (Pindaan) 1993 Pk.P.U. 8
6. Undang-Undang Kecil Pasar (MDHP) 1993 Pk.P.U. 7
7. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Dan Pendandan Rambut (MDHP) 1984 Pk.P.U. 72
8. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDHP) 1991 Pk.P.U. 31
9. Undang-Undang Kecil Taman (MDHP) 1991 Pk.P.U. 33
10. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (MDHP) 1991 Pk.P.U. 52
11. Undang-Undang Kecil Krematorium (MDHP) 1993 Pk.P.U. 14
12. Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MDHP) 1993 Pk.P.U. 15
13. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDHP) 1993 Pk.P.U. 12
14. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDHP) Kerajaan Tempatan 1981 Pk.P.U. 8
15. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit Dan Bangunan 1992 Pk.P.U. 11
16. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDHP) 1991 Pk.P.U. 53
17. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MDHP) 1992 Pk.P.U. 51
18. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPTI) 2005 Pk.P.U. 32
19. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDHP) 1997 Pk.P.U. 43
20. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (MDHP) 1990 Pk.P.U.22
21. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
22. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (MPTI) (Pindaan) 2012 Pk. P.U 6
23. Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan Dan Haiwan Merayau (MPTI) 2012 Pk.P.U 10

5.3 SUMBER PUNCA KUASA TAMBAHAN

1. Perintah-Perintah Am
2. Arahan Pentadbiran
3. Arahan Perbendaharaan
4. Kaedah-Kaedah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diterima pakai oleh MPTI.
5. Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diterima pakai oleh MPTI.
6. Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan MPTI.57)

6.0 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN

MPTI


- Ahli Majlis.
- Pemimpin Tempatan.

KERAJAAN
NEGERI

- Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak.
- Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tempatan.
- Jabatan Kerajaan berkaitan.

KERAJAAN
PERSEKUTUAN

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Jabatan Audit Negara.
- Jabatan Kerajaan berkaitan.



PELANGGAN



7.0 ANALISIS PERSEKITARAN

7.1 HALA TUJU MPTI

Bagi memastikan hala tuju MPTI dapat direalisasikan mengikut visi, misi dan objektifnya, maka beberapa perkara perlu diambil kira dari segi senario persekitarannya.

7.1.1 KEPERLUAN UNTUK MEMANTAPKAN URUS TADBIR DARI SEGI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG LEBIH SISTEMATIK DAN TERATUR.

- Pelaksanaan ini akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.
- Memastikan tahap kompetensi anggota dapat dipertingkatkan dan ditambah nilai (value added) melalui latihan-latihan yang mencukupi dan pematuhan terhadap peraturan-peraturan sedia ada.

7.1.2 MEMBUDAYA DAN MENGHAYATI NILAI-NILAI MURNI DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN.

- Prinsip-prinsip integriti dan nilai murni perlu diterapkan kepada setiap anggota dalam memberi perkhidmatan.
- Peningkatan penghayatan nilai-nilai murni akan memberi imej yang baik dan keyakinan di mata masyarakat.

7.1.3 KEPERLUAN MENINGKATKAN KUALITI DAN INOVASI DALAM BUDAYA KERJA.

- Transformasi budaya kerja perlu diubah mengikut peredaran semasa. Anggota digalakkan lebih kreatif dan berinovatif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai.
- Cara pemikiran anggota perlu lebih berpandangan jauh ke hadapan, bukan setakat menyelesaikan masalah dan aduan tetapi bertindak lebih proaktif dan efisien.

7.1.4 MELUASKAN TAHAP PENDIGITALAN DALAM URUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN.

- Peningkatan penggunaan ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan dapat dipercepatkan.
- Kelengkapan ICT perlu selaras dengan perkembangan semasa dan kehendak-kehendak pelanggan.

7.1.5 MELAKSANAKAN AGENDA BANDAR PINTAR BAGI MENINGKATKAN TAHAP KEHIDUPAN, PERTUMBUHAN EKONOMI, KEMAMAPAN ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN BANDAR YANG LEBIH EFISIEN DAN SELAMAT

- menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran mampan, selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui penggunaan ICT dan kemajuan teknologi.


7.2 ANALISIS SWOT

